

## **ANUGERAH INSTITUSI CEMERLANG KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2020**

Assalamualaikum wrt dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kepada Allah SWT atas kejayaan Politeknik Seberang Perai yang telah dianugerahkan sebagai **Institusi Cemerlang Kebolehpasaran Graduan 2020** di Majlis Aspirasi Ketua Pengarah 2021, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti pada 22 Februari 2021. Sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah Bahagian serta seluruh pegawai di JPPKK atas sokongan dan dorongan sehingga membolehkan PSP menerima penganugerahan yang amat bermakna ini.

Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi merupakan inisiatif utama dalam Teras Strategik Pertama Pelan Strategik 2019-2025 PSP, yang mana selari dengan teras pertama Pelan Strategik JPPKK. Pelbagai program dan aktiviti berimpak tinggi telah dijalankan di institusi bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar dan memastikan mereka memperoleh kemahiran yang pelbagai dan seimbang. Selain itu, hubungan baik institusi dengan industri, komuniti, alumni, majikan dan pelbagai agensi kerajaan dan swasta telah membantu memberi ruang dan peluang kerjaya yang baik dan sesuai kepada graduan. Tidak dilupakan, pelbagai kemahiran seperti kemahiran insaniah, kerohanian, keusahawanan dan kepimpinan sentiasa diterapkan kepada para pelajar pada sepanjang pengajian.

Oleh itu, setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pengurusan PSP yang terdiri daripada Timbalan-timbalan Pengarah, Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Unit. Tidak dilupakan juga ucapan tahniah kepada Pensyarah-pensyarah, Jawatankuasa Pengesanan Graduan dan semua staf sokongan PSP. Komitmen dan usaha gigih Dr/tuan/puan amat dihargai dan diharap akan berterusan pada masa-masa akan datang.

Akhir sekali, kepada semua graduan dan bakal graduan PSP diucapkan tahniah dan selamat maju jaya. Anda semua adalah graduan TVET berkualiti yang bakal menyumbang kepada kemajuan dan kecemerlangan negara.

Sekian, terima kasih.

**Sr. Harith Fadzilah Bin Abd Khalid MRISM**

Pengarah

Politeknik Seberang Perai.